

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI SEMAKAN

PENGGAL 85

**KEISTIMEWAAN DIPLOMATIK
(PERLUASAN)**

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

1. Gelaran pendek
2. Keistimewaan, kekebalan dan keupayaan pertumbuhan-pertumbuhan antarabangsa yang tertentu dan kait tangannya
3. Kekebalan diplomatik wakil-wakil yang menghadiri persidangan antarabangsa
4. Permohonan kepada Bangsa-Bangsa Bersatu
5. Layanan timbal balik

JADUAL

KEISTIMEWAAN DIPLOMATIK (PERLUASAN)

Satu Akta untuk mengadakan syarat mengenai kekebalan, keistimewaan dan keupayaan Pertubuhan-pertubuhan Antarabangsa yang dianggotai oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan-kerajaan Asing dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengan perkara-perkara yang disebutkan di atas.

8 tahun 1949
(Peng. 85)
S. 99/59

Permulaan kuatkuasa : 2hb Disember 1949

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Keistimewaan Diplomatik (Perluasan).

Gelaran pendek

2. (1) Bab ini hendaklah dikenakan kepada mana-mana pertubuhan yang diisyiharkan dengan suatu perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat sebagai pertubuhan yang dianggotai oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan atau Kerajaan-kerajaan sebuah Kuasa pemerintah asing atau lebih.

Keistimewaan,
kekebalan
dan
keupayaan
pertubuhan-
pertubuhan
antarabangsa
yang tertentu
dan kaki-
tangannya

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh dengan perintah —

(a) mempersyaratkan bahawa mana-mana pertubuhan yang dikenakan dengan bab ini (selepas ini disebut sebagai “pertubuhan”) hendaklah, setakat yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu, mempunyai kekebalan dan keistimewaan yang dinyatakan dalam Bahagian I dari Jadual kepada Akta ini, dan hendaklah juga mempunyai keupayaan suatu pertubuhan perbadanan di sisi undang-undang ;

(b) memberikan kepada sebilangan pegawai pertubuhan sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu, iaitu pemegang-pemegang jawatan tinggi dalam pertubuhan sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu, dan kepada orang-orang yang

digaji yang diutus bagi pihak pertubuhan sebagaimana yang mungkin dinyatakan, dan kepada mana-mana orang yang menjadi wakil sesbuah Kerajaan anggota dalam badan pengelola atau sebarang jawatankuasa pertubuhan itu, setakat yang mungkin dinyatakan demikian, kekebalan dan keistimewaan yang dinyatakan dalam Bahagian II dari Jadual kepada Akta ini ;

(c) memberikan kepada golongan pegawai dan pekerja lain pertubuhan sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu, setakat yang mungkin dinyatakan demikian, kekebalan dan keistimewaan yang dinyatakan dalam Bahagian III dari Jadual kepada Akta ini ;

dan Bahagian IV dari Jadual kepada Akta ini hendaklah berkuatkuasa bagi maksud memperluaskan kepada kakitangan wakil-wakil Kerajaan anggota dan kepada keluarga pegawai-pegawai pertubuhan sebarang kekebalan dan keistimewaan yang diberikan kepada wakil-wakil atau pegawai-pegawai di bawah perenggan (b) dari ceraian ini, kecuali setakat yang penguatkuasaan Bahagian IV tersebut dikecualikan dengan perintah yang memberikan kekebalan dan keistimewaan itu.

(3) Jika kekebalan dan keistimewaan diberikan kepada mana-mana orang dengan suatu perintah yang dibuat di bawah ceraian akhir yang terdahulu, maka Menteri —

(a) hendaklah menyusun suatu senarai orang-orang yang berhak terhadap kekebalan dan keistimewaan yang diberikan di bawah perenggan (b) dari ceraian itu, dan boleh menyusun suatu senarai orang-orang yang berhak terhadap kekebalan dan keistimewaan yang diberikan di bawah perenggan (c) dari ceraian itu ;

(b) hendaklah menyebabkan supaya sebarang senarai yang disusun di bawah ceraian ini disiarkan dalam suatu kenyataan awam ; dan

(c) apabila mana-mana orang tidak lagi berhak atau mula berhak terhadap kekebalan dan keistimewaan yang ada kena mengena dengan sebarang senarai itu, hendaklah meminda senarai itu dan menyebabkan supaya suatu notis pindaan itu, atau, jika difikirkannya patut, suatu senarai yang telah dipinda, disiarkan sebagaimana yang disebutkan di atas.

(4) Tiap-tiap senarai atau notis yang disiarkan di bawah ceraian akhir yang terdahulu hendaklah menyatakan tarikh senarai atau pindaan itu berkuatkuasa ; dan fakta bahawa mana-mana orang adalah termasuk atau tidak termasuk pada bila-bila masa di antara orang-orang yang berhak terhadap kekebalan dan keistimewaan tersebut boleh, jika suatu senarai orang-orang itu telah disiarkan demikian, dibuktikan secara muktamad dengan mengemukakan kenyataan awam yang mengandungi senarai itu, atau, mengikut mana yang berkenaan, senarai terakhir yang berkuatkuasa sebelum waktu itu, berserta dengan kenyataan awam (jika ada) yang mengandungi notis-notis pindaan yang berkuatkuasa sebelum waktu itu, dan dengan menunjukkan bahawa nama orang itu adalah pada waktu itu termasuk atau tidak termasuk dalam senarai tersebut.

3. (1) Jika suatu persidangan diadakan di Negara Brunei Darussalam dan dihadiri oleh wakil-wakil Kerajaan atau Kerajaan-kerajaan sebuah Kuasa pemerintah asing atau lebih, dan pada pendapat Menteri bahawa keraguan mungkin timbul mengenai setakat mana wakil-wakil Kuasa asing itu dan anggota-anggota kakitangan rasminya berhak terhadap kekebalan diplomatik, maka dia boleh —

Kekebalan
diplomatik
wakil-wakil
yang meng-
hadiri
persidangan
antarabangsa

(a) menyusun suatu senarai orang-orang yang disebutkan di atas yang berhak terhadap kekebalan itu, dan menyebabkan supaya senarai itu disiarkan dalam suatu kenyataan awam ; dan

(b) apabila pada pendapat Menteri bahawa mana-mana orang tidak lagi berhak atau mula berhak terhadap kekebalan itu, meminda senarai itu dan menyebabkan supaya suatu notis pindaan atau, jika difikirkannya patut, suatu senarai yang telah dipinda, disiarkan sebagaimana yang disebutkan di atas ;

dan tiap-tiap wakil Kuasa asing yang pada waktu itu termasuk dalam senarai itu hendaklah, bagi maksud sebarang undang-undang dan kedaulatan undang-undang atau adat berkenaan dengan kekebalan suatu utusan Kuasa asing yang ditauliahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dan para pengiring utusan seumpama itu, disifatkan seolah-olah dia adalah utusan seumpama itu, dan anggota-anggota kakitangan rasminya yang pada waktu itu termasuk dalam senarai itu hendaklah disifatkan bagi maksud yang disebutkan di atas seolah-olah mereka adalah para pengiringnya.

(2) Tiap-tiap senarai atau notis yang disiarkan di bawah ceraian akhir yang terdahulu berkenaan dengan sebarang persidangan hendaklah termasuk suatu pernyataan tarikh senarai atau pindaan itu berkuasa ; dan fakta bahawa mana-mana orang adalah termasuk atau tidak termasuk pada bila-bila masa di antara orang-orang yang berhak terhadap kekebalan diplomatik sebagai wakil-wakil yang menghadiri persidangan itu atau sebagai anggota-anggota kakitangan rasmi mana-mana wakil itu boleh, jika suatu senarai orang-orang itu telah disiarkan demikian, dibuktikan secara muktamad dengan mengemukakan kenyataan awam yang mengandungi senarai itu atau, mengikut mana yang berkenaan, senarai terakhir yang berkuatkuasa sebelum waktu itu, berserta dengan kenyataan awam (jika ada) yang mengandungi notis-notis pindaan yang berkuatkuasa sebelum waktu itu, dan dengan menunjukkan bahawa nama orang itu adalah pada waktu itu termasuk atau tidak termasuk dalam senarai tersebut.

-
- | | |
|--|---|
| 4. Akta ini hendaklah, atas permohonannya kepada Bangsa-Bangsa Bersatu, berkuatkuasa tertakluk kepada ubahsuaian-ubahsuaian yang berikut —

(a) sebarang rujukan kepada badan pengelola atau sebarang jawatankuasa pertubuhan hendaklah ditafsirkan sebagai merujuk kepada Perhimpunan Agung atau sebarang majlis atau organ lain Bangsa-Bangsa Bersatu ; dan

(b) kuasa-kuasa yang diberikan oleh ceraian (2) bab 2 dari Akta ini hendaklah termasuk kuasa dengan perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat memberikan kepada hakim-hakim dan pendaftar-pendaftar Mahkamah Keadilan Antara-bangsa dan pihak-pihak yang berguaman kepada Mahkamah itu dan ejen-ejen, peguam-peguam dan peguam bela-peguambelanya, kekebalan, keistimewaan dan kemudahan sebagaimana yang mungkin dikehendaki untuk menguatkuasakan sebarang ketetapan, atau konvensyen yang diluluskan oleh, Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu. | Permohonan kepada Bangsa-Bangsa Bersatu |
|

5. Tiada sebarang apa pun dalam syarat-syarat Akta ini yang terdahulu boleh ditafsirkan sebagai menegah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat dari tidak memberikan kekebalan atau keistimewaan kepada, atau dari menarik balik kekebalan atau keistimewaan daripada, warganegara atau wakil mana-mana Kuasa atas alasan bahawa Kuasa itu gagal memberikan kekebalan atau keistimewaan yang bersamaan kepada warganegara atau wakil Negara Brunei Darussalam. | Layanan timbal balik |

JADUAL

(Bab 2(2))

BAHAGIAN I**Kekebalan dan Keistimewaan Pertubuhan**

1. Kekebalan dari proses guaman dan undang-undang.
2. Arkib dan bangunan rasmi yang diduduki sebagai pejabat sama-sama tidak boleh dicabuli sebagaimana yang diberikan berkaitan dengan arkib dan bangunan rasmi suatu utusan Kuasa pemerintah asing yang ditauliahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia.
3. Pengecualian atau pelepasan yang sama dari cukai dan bayaran, selain dari cukai ke atas pengimportan barang, sebagaimana yang mungkin diberikan kepada Kuasa pemerintah asing.
4. Pengecualian dari cukai ke atas pengimportan barang, yang diimport terus oleh pertubuhan untuk kegunaan rasminya di Negara Brunei Darussalam atau untuk dieksport, atau ke atas pengimportan sebarang penerbitan pertubuhan yang diimport terus olehnya, pengecualian itu hendaklah tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Pengawal Kastam untuk melindungi Hasil.
5. Pengecualian dari larangan dan sekatan ke atas pengimportan atau pengeksportan dalam hal barang yang diimport atau dieksport terus oleh pertubuhan untuk kegunaan rasminya dan dalam hal sebarang penerbitan pertubuhan yang diimport atau dieksport terus olehnya.
6. Hak mendapatkan, untuk perhubungan bertelegraf yang dikirimkan olehnya dan yang hanya mengandungi perkara yang dimaksudkan untuk diterbitkan oleh akhbar atau

untuk disiarkan (termasuk perhubungan yang ditujukan kepada, atau dihantar dari, tempat-tempat di luar Negara Brunei Darussalam), sebarang kadaran terkurang yang boleh dikenakan bagi perkhidmatan yang bersamaan dalam hal telegram akhbar.

BAHAGIAN II

Kekebalan dan Keistimewaan Pegawai-pegawai Tinggi, Orang-orang yang diutus dan Wakil-wakil Kerajaan

1. Kekebalan yang sama dari proses guaman dan undang-undang sebagaimana yang diberikan kepada mana-mana utusan Kuasa pemerintah asing yang ditauliahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia.
2. Tempat kediaman sama-sama tidak boleh dicabuli sebagaimana yang diberikan kepada utusan seumpama itu.
3. Pengecualian atau pelepasan yang sama dari cukai sebagaimana yang diberikan kepada utusan seumpama itu.

BAHAGIAN III

Kekebalan dan Keistimewaan Pegawai-pegawai dan Pekerja-pekerja Lain

1. Kekebalan dari proses guaman dan undang-undang berkaitan dengan perkara-perkara yang dilakukan atau ditinggalkan dari dilakukan semasa melaksanakan kewajipan rasmi.
2. Pengecualian dari cukai pendapatan berkaitan dengan gaji yang diterima sebagai seorang pegawai atau pekerja pertubuhan.

BAHAGIAN IV**Kekebalan dan Keistimewaan Kakitangan
Perwakilan dan Keluarga Pegawai Tinggi**

1. Jika mana-mana orang berhak terhadap sebarang kekebalan dan keistimewaan sebagaimana yang disebutkan dalam Bahagian II dari Jadual ini sebagai wakil Kerajaan anggota, kakitangan rasminya yang menyertainya sebagai wakil seumpama itu adalah juga berhak terhadap kekebalan dan keistimewaan itu setakat yang sama sebagaimana para pengiring suatu utusan Kuasa pemerintah asing yang ditauliahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia berhak terhadap kekebalan dan keistimewaan yang diberikan kepada utusan itu.

2. Jika seseorang berhak terhadap sebarang kekebalan dan keistimewaan sebagaimana yang disebutkan dalam Bahagian II dari Jadual ini sebagai pegawai pertubuhan, isteri atau suami orang itu, dan anak-anaknya yang berumur 21 tahun ke bawah adalah juga berhak terhadap kekebalan dan keistimewaan itu setakat yang sama sebagaimana isteri atau suami dan anak-anak suatu utusan Kuasa pemerintah asing, yang ditauliahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia berhak terhadap kekebalan dan keistimewaan yang diberikan kepada utusan itu.